

ورتا فترغن Warta Penerangan

MAC 2019



مفكرنكلن اقليكاسي موده اليه جابتن قنرغن

Memperkenalkan

Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan


- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat Dan Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless Dan Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

Dapatkan aplikasi dan muat turun di



'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'



DI MANAKAH AWDA BOLEH MENDAPATKAN NASKHAH PELITA BRUNEI ?

DAERAH BRUNEI DAN MUARA

1. Ibu Pejabat Jabatan Penerangan (Drive-thru & Kaunter)
2. Giant Mall, Tasek Rimba
3. Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei
4. Hospital RIPAS (Pesakit Luar dan Pusat Kesihatan Wanita & Kanak-kanak)
5. Pusat Kesihatan PAPHMWHB, Kg. Rimba, Gadong
6. Pusat Kesihatan Berakas, Lambak Kanan
7. Pusat Kesihatan Muara
8. Pusat Kesihatan Jubli Emas Perpindahan Kg. Bunut
9. Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkurong
10. Pusat Kesihatan Pengkalan Batu
11. Pusat Kesihatan PAPHRSB, Sungai Asam
12. Stesen Minyak KOPPMB Jln Menglait
13. Stesen Minyak GADONG Jln Gadong
14. Stesen Minyak SHAHRYZA Kg. Perpindahan Bunut
15. Stesen Minyak TASAMUL Kg. Lumapas B
16. Stesen Minyak BEBATIK Kg. Bebatik
17. Stesen Minyak KUPB Kg. Jangsak
18. Stesen Minyak AMANAH Kg. Kilanas
19. Stesen Minyak BADAN TANMIAH Kg. Kuala Lurah
20. Stesen Minyak MAR'AZMALA Jln Jerudong
21. Stesen Minyak SATENAGA Kg. Tanjung Nangka
22. Stesen Minyak MASJORY Kg. Sengkurong
23. Stesen Minyak MABOHAI Jln Kebangsaan
24. Stesen Minyak PERSATUAN TIBA Kg. Salambigar
25. Stesen Minyak KOPERASI ITM Kg. Mentiri
26. Stesen Minyak PENGALAYAN Kg. Pengalayan
27. Stesen Minyak DYG MASNI Pekan Muara
28. Stesen Minyak TAIB Kg. Pancha Delima
29. Stesen Minyak BERAKAS Jln Pasir Berakas
30. Stesen Minyak IBA Kg. Lambak Kanan
31. Stesen Minyak TUMASEK Jln Tutong
32. Stesen Minyak TAIB Kompleks Perindustrian Beribi II

DAERAH TUTONG

1. Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Tutong (Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan)
2. Petani Mall
3. Hospital PMMPMHAMB
4. Pusat Kesihatan Kg. Sungai Kelugos
5. Pusat Kesihatan Lamunin
6. Pusat Kesihatan Telisai
7. Stesen Minyak KOPERASI KG.KERIAM Kg. Keriam
8. Stesen Minyak PHA BAKAR BIN JAMBOL Kg. Suran
9. Stesen Minyak KODRAT Kg. Lamunin
10. Stesen Minyak KOPEKLAP Kg. Lubok Pulau

DAERAH BELAIT

1. Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Belait (Seria)
2. Pusat Kegiatan Warga Emas
3. Plaza Seria
4. Hospital Suri Seri Begawan
5. Pusat Kesihatan Sungai Liang
6. Stesen Minyak LUMUT Kg. Sungai Bakong
7. Stesen Minyak ROXANA Seria
8. Stesen Minyak SAPAKAT Jln Setia Negara
9. Stesen Minyak SPM KB Jln Panglima

DAERAH TEMBURONG

1. Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Temburong (Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan)
2. Terminal Perahu Tambang
3. Kompleks Utama Bumiputra
4. Hospital PIHM
5. Stesen Minyak NEGALANG Kg. Negalang



Jika naskhah Pelita Brunei telah habis, awda juga boleh melayari e-paper Pelita Brunei melalui aplikasi mudah alih Jabatan Penerangan dengan muat turun **InfoDeptBN**.





Terbitan Unit Penerbitan Melayu
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”

Sidang Redaksi

Penasihat
Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras, Penyemak & Rekaletak
Unit Penerbitan Melayu
dan Unit Seni Grafik

Sumber Berita & Fotografi
PELITA BRUNEI dan
Pegawai dan Kakitangan
Jabatan Penerangan




WARTA Penerangan merupakan sebuah majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Unit Penerbitan Melayu, Tingkat 2, Bangunan Lama Jabatan Penerangan.



NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

Isi Kandungan	Muka
Hadiri mesyuarat ASEAN-COCI mengenai Penerangan	1
Program Muzakarah Penerangan dekatkan hubungan masyarakat dengan kerajaan	2
BAHAGIAN PELITA BRUNEI	3
Dedahkan ASEAN kepada pelajar	4
UNIT FOTOGRAFI	5
Program Taklimat Kenegaraan semai jiwa patriotik	6-8
Program RRP dedahkan pelajar maklumat semasa	9-10
UNIT IT DAN MEDIA BAHARU	11
UNIT SOKONGAN, BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN	11-12
Jabatan Penerangan tubuhkan Pusat Media untuk MMN Ke-15	13
Barigakan bahan-bahan kepentingan nasional	14
PMB kukuhkan hubungan kerajaan, masyarakat	15
Taklimat PMB sentuh berbagai peraturan, undang-undang	15-16
Jabatan Penerangan bantu fahami usaha kerajaan	16
PMB tingkat ilmu pengetahuan peserta	17
JobCentre Brunei bantu pencari kerja tempatan	17
Peserta PMB kunjungi Katimahar Agripark	18
Tinjau kilang pemprosesan bahan mentah	18

Hadiri mesyuarat ASEAN-COCI mengenai Penerangan

Oleh: Unit Penerbitan Melayu
Foto: Unit Hal Ehwal Antarabangsa



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa bergambar bersama delegasi ASEAN dan Sekretariat ASEAN pada mesyuarat tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, 28 Mac.- Mesyuarat Ke-20 Jawatankuasa Kecil ASEAN-COCI mengenai Penerangan (The Twentieth Meeting of the ASEAN-COCI Sub-Committee on Information) telah berlangsung selama dua hari di Hotel Pan Pacifik Manila, Filipina pada 27 – 28 Mac 2019.

Mewakili Jabatan Penerangan sekaligus Negara Brunei Darussalam ke mesyuarat tersebut ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Mesyuarat di rasmikan oleh Setiausaha Pejabat Operasi Komunikasi Presiden Filipina, (PCOO) Tuan Yang Terutama Martin Andanar.

Mesyuarat turut dihadiri oleh ahli-ahli negara ASEAN serta pegawai-pegawai dari Sekretariat ASEAN.

Antara perkara yang dibincangkan pada mesyuarat tersebut termasuklah mengenai aplikasi WeASEAN dan Bengkel mengenai media cetak ASEAN.



SETIAUSAHA Pejabat Operasi Komunikasi Presiden (PCOO) Tuan Yang Terutama Martin Andanar ketika berucap pada majlis perasmian mesyuarat berkenaan.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa bergambar bersama delegasi ASEAN dan Sekretariat ASEAN pada mesyuarat tersebut.

Program Muzakarah Penerangan dekatkan hubungan masyarakat dengan kerajaan

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan
Foto: Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar semasa mempengerusikan Program Muzakarah Penerangan.

GADONG, Sabtu, 2 Mac. – Penduduk Mukim Gadong ‘B’ hari ini berpeluang untuk mengutarakan isu-isu permasalahan yang dihadapi bagi pertimbangan pihak agensi-agensi kerajaan dalam siri Program Muzakarah Penerangan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.

Program Muzakarah Penerangan tersebut dipengerusikan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Juga hadir, Penghulu dan Ketua-ketua Kampung dari mukim berkenaan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan dari pelbagai agensi-agensi kerajaan, Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Takmir Masjid dan Muslimah, juga penduduk-penduduk kampung mukim berkenaan.

Program Muzakarah tersebut diadakan di Dewan Sejahtera 2, Tingkat 1, Sumbangsih Bahagia, Kompleks Perindustrian Beribi II, Jalan Gadong.

Ahli-ahli Panel Program Muzakarah Penerangan terdiri daripada pegawai-pegawai kanan dari kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

Antara tujuan program tersebut diadakan ialah untuk merapatkan lagi hubungan mesra yang terjalin di antara kerajaan amnya dan Jabatan Penerangan khususnya bersama penduduk mukim.

Dengan adanya pihak kerajaan bersemuka dengan masyarakat ia diharap dapat memperlihatkan kepekaan dan sikap pemedulian kerajaan dalam memastikan rakyat serta penduduk hidup dengan aman dan sejahtera, sekali gus dapat mengangkat kredibiliti di mata rakyat juga penduduk.



PENDUDUK Mukim Gadong B’ semasa membuat pendaftaran sebelum Program Muzakarah Penerangan.



SEBAHAGIAN daripada penduduk Mukim Gadong B’ semasa hadir pada program tersebut.

BAHAGIAN PELITA BRUNEI

Teks dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

BAHAGIAN Pelita Brunei merupakan bahagian yang bertanggungjawab dalam penerbitan akhbar rasmi kerajaan, Pelita Brunei. Pelita Brunei sebagai akhbar rasmi kerajaan dalam menyampaikan maklumat, aktiviti, dasar kerajaan kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam termasuk kawasan pedalaman.

Pada tahun 1956 Pelita Brunei, akhbar rasmi kerajaan pertama diterbitkan menggunakan bentuk siklostil. Dan buat pertama kalinya Pelita Brunei dicetak menggunakan mesin pada 15 Februari 1959. Pada Februari 2006, Pelita Brunei, akhbar rasmi kerajaan meraikan Jubli Emas.

9 Julai 2008, Pelita Brunei diterbitkan dua kali seminggu (setiap Rabu dan Sabtu) manakala versi online, Pelita Brunei Online tersedia dan dikemaskini setiap hari dan boleh dilayari melalui www.pelitabrunei.gov.bn.

Pada 18 Julai 2010, Pelita Brunei mula diterbitkan tiga kali seminggu iaitu setiap Isnin, Rabu dan Sabtu dan pada 8 Ogos 2016, Jabatan Penerangan mula memperkenalkan E-paper Pelita Brunei yang boleh dimuat turun menggunakan telefon pintar atau tablet melalui laman sesawang www.epaper.pelitabrunei.gov.bn. Bahagian Pelita Brunei juga memuat naik berita utama setiap hari ke Pelita Online – www.pelitabrunei.gov.bn. Pelita Brunei juga menerbitkan sisipan khas sempena sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM dan Majlis kebesaran dan adat istiadat negara.

Bahagian Pelita Brunei telah



MESYUARAT editorial... Pegawai dan kakitangan Bahagian Pelita Brunei semasa mengadakan mesyuarat editorial yang diadakan setiap hari Selasa, Jumaat dan Ahad iaitu sebelum Pelita Brunei di terbitkan pada keesokan harinya.

melalui pelbagai fasa perubahan dan terkini Bahagian Pelita Brunei terbahagi kepada dua seksyen iaitu Seksyen Berita dan Seksyen Kandungan Khas yang mengandungi beberapa unit di bawah ketua masing-masing yang diketuai oleh Pegawai Penerangan Kanan selaku Ketua Seksyen Berita dan Pemangku Pegawai Penerangan Kanan selaku Ketua Seksyen Kandungan Khas. Meja-meja di bawah Seksyen Berita ialah: Meja A, Meja B dan Meja C. Manakala Meja Rencana dan Meja Iklan termasuk di dalam Seksyen Kandungan Khas. Meja Reka Kreatif pula di bawah Ketua Bahagian Pelita. Setiap Meja akan diketuai oleh Pegawai Penerangan dan akan bertanggungjawab kepada beberapa orang kakitangan di bawah jagaan masing-masing.

Meja A, B dan C bertanggungjawab dalam membuat liputan berita keberangkatan kerabat diraja dalam dan luar negara termasuk berita-berita tempatan.

Sementara Meja Rencana bertanggungjawab dalam menerbitkan rencana-rencana majlis-majlis sambutan peringkat kebangsaan termasuk inisiatif-inisiatif kerajaan. Juga menulis



RUANG tempat kerja Bahagian Pelita Brunei yang beroperasi setiap hari.

rencana-rencana mengenai negara Brunei Darussalam dalam ruangan Kenali Negara Kitani.

Meja Reka Kreatif pula bertanggungjawab dalam mereka bentuk isi kandungan Pelita Brunei dan juga membuat poster-poster yang diterbitkan dalam Pelita Brunei sama ada poster daripada permintaan dalam jabatan atau luar jabatan.

Meja Iklan pula mengiklankan jawatan-jawatan kosong, tawaran-tawaran sebut harga, permakluman dan poster daripada sektor kerajaan.

Pada masa ini seramai 37 orang pegawai dan kakitangan yang bertugas di Bahagian Pelita Brunei dengan mengikut syif kerja masing-masing.

Dedahkan ASEAN kepada pelajar

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan
Foto: Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 2 Mac. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN - COCI telah mengadakan beberapa siri Jerayawara Kenali ASEAN di beberapa buah sekolah di negara ini.

Program tersebut adalah salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan penuntut-penuntut sekaligus menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan.

Dalam masa yang sama ia juga dihasrat untuk mengukuhkan hubungan di antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat, khususnya penuntut-penuntut di negara ini.

Pada 2 Mac, Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan telah mengadakan Jerayawara Kenali ASEAN di dua buah sekolah secara berasingan, iaitu Sekolah Menengah Menglait, Gadong pada sesi pagi dan Sekolah Menengah Sayyidina Husain, Jerudong pada sesi petang.

Semasa di Sekolah Menengah

Menglait, ia diadakan di Dewan Melati, dan dihadiri oleh Pengetua Sekolah tersebut, Awang Osman bin Rajap selaku tetamu kehormat dan turut dihadiri oleh tenaga pengajar bersama 434 penuntut sekolah berkenan.

Jerayawara Kenali ASEAN diteruskan lagi ke Sekolah Menengah Sayyidina Husain bagi sesi petang dan diadakan di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada jerayawara tersebut ialah pengetua sekolah tersebut, Dayangku Hajah Nooramaliatifah binti Pengiran Haji Ahmad bersama tenaga pengajar serta 350 penuntut.

Dua hari selepas itu program yang sama sekali lagi diadakan di Sekolah Menengah Sayyidina Husain bagi pembelajaran sesi pagi.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pengetua Sekolah Menengah Sayyidina Husain, Dayangku Hajah Nooramaliatifah binti Pengiran Haji Ahmad. Turut hadir tenaga pengajar bersama 180 penuntut. Jerayawara diadakan di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan.

Kemudian program tersebut di teruskan lagi ke Sekolah St. Andrew's di ibu negara pada 9



PEGAWAI Luar Penerangan, Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Awang Mohd. Adi Zamhari bin Haji Awang Yahya semasa menguji kepintaran salah seorang penuntut Sekolah St. Andrew's dalam Kuiz ASEAN.

Mac 2019.

Program yang berlangsung di Dewan Dato Ong Kim Kee itu dihadiri oleh pengetua sekolah tersebut, Madam Tan Lian Lian selaku tetamu kehormat serta tenaga pengajar bersama 435 penuntut.

Program Jerayawara Kenali ASEAN bermula dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diteruskan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dan Lagu Tema ASEAN.

Taklimat diteruskan dengan maklumat mengenai Wawasan Brunei 2035 yang wajar diketahui oleh para penuntut mengenai strategi-strategi yang dirancang. Ia dihasrat dapat meningkatkan kesedaran para penuntut tentang perkembangan negara di mata serantau dan menjadi pencetus semangat bagi mereka berusaha dengan lebih gigih untuk memajukan tanah air agar Wawasan Brunei 2035 dapat direalisasikan.

Pada program tersebut para pelajar berkesempatan menyaksikan tayangan klip video mengenai ASEAN selain menyertai kuiz ASEAN.



PARA pelajar Sekolah Menengah Menglait semasa menghadiri taklimat Kenali ASEAN yang diadakan di sekolah berkenaan.

UNIT FOTOGRAFI

Oleh: Unit Penerbitan Melayu
Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas/ Unit Penerbitan Melayu

UNIT Fotografi merupakan salah satu unit di bawah Pengarah Penerangan yang sentiasa dan terus aktif dalam memberikan layanan dan perkhidmatan khususnya dalam bidang penggambaran terutama dalam membuat liputan berita dan hal ehwal semasa.

Unit ini diketuai oleh Awang Mohammad Azmi bin Awang Damit, selaku Pegawai Foto.

Antara tugas dan tanggungjawab unit ini ialah membuat liputan penggambaran dalam dan luar negara mengikut tugas yang diberikan terutama untuk menjadi bahan-bahan terbitan Jabatan Penerangan samada melalui media cetak mahupun secara talian seperti Pelita Brunei.

Selain daripada itu, unit ini berperanan dalam menyimpan gambar-gambar liputan bagi simpanan arkib Jabatan Penerangan disamping menyediakan gambar-gambar yang bersesuaian mengikut permohonan samaada bagi kegunaan Jabatan Penerangan sendiri mahupun kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan, swasta mahupun orang-orang persendirian.

Dalam memberikan kepuasan kepada orang ramai, unit ini sentiasa mengemaskini laman galeri Infofoto dengan gambar-gambar acara terkini seperti peristiwa kebangsaan dan antarabangsa yang dihadiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Ahli Kerabat Diraja dan Ketua-Ketua Kerajaan selain melakukan pengimbasan negatif filem bagi simpanan arkib digital Jabatan Penerangan.



SALAH seorang pegawai dari Unit Fotografi sedang memuatnaik gambar-gambar ke dalam server setelah membuat penggambaran bagi bahan-bahan terbitan Jabatan Penerangan.

Dalam pada itu, unit ini juga mengenakan bayaran kepada orang ramai yang ingin mendapatkan sebarang gambar dengan caj bayaran yang telah di tentukan.

Antara pencapaian terbaik yang pernah dicapai oleh unit ini ialah apabila muncul sebagai naib juara Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) Peringkat Kebangsaan Ke-21, 2018 selepas membawakan tajuk projek mereka 'Permohonan Gambar Negatif Filem Lambat Diproses (Pilot Projek Tahun 1992)'

Secara tidak langsung dengan pencapaian ini telah mengangkat nama baik jabatan sekaligus Jabatan Perdana Menteri.



PEGAWAI dan kakitangan Unit Fotografi semasa menyertai Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) Peringkat Kebangsaan Ke-21, 2018.



KAKITANGAN Unit Fotografi semasa melakukan kerja-kerja pengimbasan negatif filem bagi simpanan arkib digital Jabatan Penerangan.

Program Taklimat Kenegaraan semai jiwa patriotik

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan

Foto: Dk. Nur Hafilah Pg. Osman, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Muhammad Asri Haji Awang Abas



PARA pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan bersama guru dan pelajar Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan bergambar ramai semasa program tersebut diadakan di sekolah berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Mac. - Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang dikendalikan oleh Unit Kenegaraan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri adalah sebagai salah satu usaha berterusan untuk menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara serta mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang

tinggi dalam diri penuntut melalui lagu kebangsaan dan bendera negara.

Dalam usaha mendekati para pelajar tersebut, Unit Kenegaraan Jabatan Penerangan telah mengadakan taklimat ke tiga

buah sekolah di negara ini secara berasingan di sepanjang bulan Mac 2019.

Taklimat pertama telah di adakan pada 5 Mac, iaitu dengan berkunjung ke Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan.



SALAH seorang penuntut cuba untuk menjawab soalan dalam segmen kuiz.



TAKLIMAT kenegaraan disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Awang Muhammad Nurakram bin Noraini @ Bahrin.

Program dihadiri seramai 353 penuntut Tahun 7 dan tenaga pengajar sekolah berkenaan.

Nurakram bin Noraini @ Bahrin.

Taklimat Kenegaraan disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Awang Muhammad

Antara yang disentuh dalam taklimat tersebut ialah mengenai Raja Kita dan tatacara menaik-kibarkan bendera negara.



KETUA Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya menyampaikan poster Apps Penerangan kepada Pengetua Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja, Dayangku Hajah Norhasima binti Pengiran Haji Hassan.

Pada 6 Mac, taklimat di teruskan dengan kunjungan ke Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja (SM PDSM), Kampung Mentiri.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Penerangan selaku Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya.

Seramai 179 penuntut Tahun 7 bersama pengetua Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja, Dayangku Hajah Norhasima binti Pengiran Haji Hassan serta para tenaga pengajar sekolah

berkenaan hadir mendengarkan taklimat tersebut.

Kemudian Taklimat Kenegaraan diteruskan lagi dengan berkunjung ke Sekolah Menengah Masin pada 13 Mac.

Pengetua Sekolah, Mr. Ivan Moore, Timbalan Pengetua dan tenaga pengajar berserta penuntut Tahun 7 sekolah berkenaan seramai 124 orang hadir mendengarkan taklimat tersebut yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan selaku Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya.



SEBAHAGIAN pelajar semasa mendengarkan taklimat kenegaraan yang di kelolakan oleh Jabatan Penerangan.



SALAH seorang pelajar semasa menyertai kuiz kenegaraan.



SEBAHAGIAN pelajar semasa mendengarkan taklimat tersebut.



PEGAWAI Penerangan, Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya semasa menyampaikan taklimat di Sekolah Menengah Masin.

Taklimat Kenegaraan antara lain menyentuh mengenai Raja Kita, tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ‘Allah Peliharakan Sultan’ secara terperinci.

Juga dihidangkan kepada para pelajar ialah mengenai tayangan klip video ‘Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara’, ‘Semarak Pengibaran Bendera Negara’ dan Video Animasi ‘Tatacara Menaikkan Bendera Negara’ selain para pelajar juga berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan.



PENGETUA Sekolah, Mr. Ivan Moore semasa memberikan ucapan pada program tersebut.

Program RRP dedahkan pelajar maklumat semasa

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan
Foto: Azmah Haji Ahad, Hamzah Mohidin

GADONG, Selasa, 5 Mac. - Lebih 400 pelajar dari dua buah sekolah telah menghadiri Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) yang diungkuayahkan oleh Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan Jabatan Penerangan.

Program yang berbentuk persembahan khusus bagi peringkat remaja, terutama pelajar sekolah adalah untuk menyebarkan maklumat dan kegiatan semasa, selain untuk mendekati para remaja di sekolah-sekolah supaya peka dengan perkembangan dan hal ehwal sekeliling mereka.

Selain itu ia juga bertujuan bagi memberikan kesedaran sivik dan semangat kenegaraan, terutama kepada golongan remaja ke arah pembentukan minda dan moral positif, juga dalam masa yang sama untuk mendekati golongan belia dan remaja di sekolah-sekolah melalui seni hiburan yang terarah dan terpinpin.

Sekolah Menengah Menglait menjadi destinasi pertama bagi Program Rakan Remaja Penerangan di bulan Mac ini dengan dihadiri oleh seramai 296 penuntut Tahun 9 dan Tahun 10 yang diadakan pada 5 Mac 2019.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pemangku Ketua Unit Pendidikan Khas (UPK), Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor.

Dengan program tersebut diharap akan dapat menanamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan remaja selain menjadikan pelajar sebagai ejen dalam penyebaran maklumat yang positif dan berkesan kepada rakan sebaya.



HADIR selaku tetamu kehormat, Pemangku Ketua Unit Pendidikan Khas (UPK), Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor.



TAKLIMAT Kenegaraan bertajuk 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya.



PARA pelajar ketika mendengarkan *Taklimat Kenegaraan* bertajuk 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam'.



SALAH satu persembahan pentas oleh sebahagian penuntut JIS pada program tersebut.

Program Rakan Remaja Penerangan berikutnya telah diadakan di Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) pada 20 Mac.

Seramai 150 pelajar Tahun 9 dan 10 menghadiri program tersebut yang diadakan di Dewan Auditorium, Art Center, JIS.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Ketua Bahagian Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan, Dayang Marina Chek binti Bujang.

Juga hadir, Pengetua sekolah tersebut, Mr. Barnaby Sandow serta tenaga pengajar sekolah berkenaan.

Kedua-dua Program Rakan Remaja Penerangan dimulakan dengan nyanyian lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam “Allah Peliharakan Sultan” dan Lagu Patriotik “Bendera Negara”, diikuti dengan bacaan surah Al-Fatihah dan Doa Selamat.

Manakala Taklimat Kenegaraan bertajuk ‘Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam’ disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya.

Program diteruskan dengan tayangan klip video ‘Semarak Pengibaran Bendera Negara’ dan seterusnya diserikan dengan persembahan dari Jabatan Penerangan, iaitu nyanyian, lawak jenaka dan kuiz Rakan Remaja Penerangan.



BEBERAPA orang penuntut mencuba bakat dalam acara lawak jenaka.



PEGAWAI Tugas-tugas Khas Kanan, Ketua Bahagian Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan, Dayang Marina Chek binti Bujang menyampaikan hadiah kepada penuntut yang berjaya menjawab soalan kuiz Rakan Remaja Penerangan.



PARA penuntut JIS yang hadir pada Program Rakan Remaja Penerangan.

UNIT IT DAN MEDIA BAHARU

Teks dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

UNIT IT dan Media Baharu merupakan salah sebuah Unit di bawah Pengarah Penerangan. Unit yang diketuai oleh Awang Hisyam bin Idris mempunyai enam orang pegawai dan kakitangan.

Unit IT dan Media Baharu ini bertanggungjawab memuatnaik berita-berita ke dalam Laman Sesawang Pelita Online setiap hari. Juga memuatnaik berita-berita ke dalam laman media sosial Facebook, Instagram dan Twitter.

Unit ini juga bertanggungjawab dalam menyediakan peralatan komputer seperti desktop, laptop dan hal peralatan lain bagi kegunaan pegawai dan kakitangan Jabatan. Jika berlakunya *troubleshooting* kerosakan pada peralatan-peralatan komputer maka unit ini bertanggungjawab untuk menangani masalah ini. Di samping itu, tugas unit ini juga ialah untuk menyediakan e-mel kepada pegawai dan kakitangan yang baru melapor di jabatan ini.

Bagi memastikan kelancaran mobile App jabatan InfoDeptBN serta mengemaskini laman sesawang Jabatan, unit IT dan Media Baharu dipertanggungjawabkan dalam perkara ini. Selain



PENGEMASKINIAN... Pegawai dari Unit IT dan Media Baharu ketika membuat pengemaskinian bahan-bahan berita yang dimuat naik di laman sesawang Pelita Brunei.

itu, Unit IT dan Media Baharu juga membuat video bagi acara-acara kebesaran negara dan Jabatan dan dimuatnaik dalam laman media sosial Facebook, Instagram dan Twitter (FIT). Manakala video bagi pemberitaan aktiviti-aktiviti dalaman jabatan dimuat naik dalam laman sesawang jabatan.

UNIT SOKONGAN, BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Teks dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

UNIT Sokongan ini merupakan salah satu bahagian yang diletakkan di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Penerangan dengan diketuai oleh Penolong Pegawai Penerangan, Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad.

Antara tugas utama unit ini ialah mengedarkan bahan-bahan terbitan Jabatan Penerangan seperti potret wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri, akhbar rasmi kerajaan Pelita Brunei di Ibu Pejabat dan lokasi-lokasi VIP serta lokasi-lokasi yang telah ditetapkan selain mengedarkan bahan-bahan terbitan Jabatan Penerangan dalam terbitan berbahasa Melayu mahupun Inggeris.

Dalam pada itu, unit ini juga turut mengedarkan kalendar tahunan, poster-poster di samping mengendalikan pembahagian surat-surat khabar

tempat-tempat bagi Jabatan Penerangan.

Sebagai kutipan hasil bagi jabatan, unit ini turut melakukan penjualan buku-buku terbitan jabatan berbahasa Melayu seperti buku kumpulan Titah-titah, Sabda, Haluan, Brunei Today, Brunei Darussalam Negaraku dan buku-buku mengenai daerah-daerah di negara ini dalam bahasa Inggeris.

Buku-buku tersebut boleh diperolehi di kaunter-kaunter Unit Pengedaran Jabatan Penerangan di keempat-empat daerah selain dijual dalam berbagai majlis atau program yang dianjurkan oleh pihak kementerian, jabatan kerajaan seperti jerayawara, pesta buku mahupun acara-acara yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan.

Selain mengedarkan bahan-bahan terbitan, unit ini juga mengendalikan perkhidmatan pembesar suara (PA System) iaitu dengan memberikan

Warta Penerangan 12

perkhidmatan kepada agensi-agensi kerajaan dalam acara-acara rasmi kenegaraan selain memberikan perkhidmatannya kepada Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta organisasi-organisasi bukan kerajaan (NGO's) yang memohon bagi mendapatkan perkhidmatan tersebut.

Turut dilakukan oleh unit ini termasuklah pengawasan serta memantau peralatan pembesar suara yang terdapat dalam dewan dan surau Jabatan Penerangan di samping memberikan bantuan kepada cawangan di daerah-daerah serta mengendalikan pembesar suara bagi program dan aktiviti dalam jabatan.

Dalam mendokong dasar mempelbagaikan sumber ekonomi negara dalam usaha memantapkan tadbir urus fiskal jabatan juga telah membuat perancangan mengenai perkhidmatan pembesar suara ini iaitu untuk menyewakan kepada pemohon-pemohon mengikut kategori secara pakej.

Turut di laksanakan oleh unit ini ialah Perkhidmatan Kenderaan (BG) iaitu dengan memberikan perkhidmatan kepada pegawai dan kakitangan yang bertugas di luar jabatan seperti pegawai yang menghadiri mesyuarat; pemberita, jurugambar dan MRO yang membuat liputan berita di samping bagi mengadakan program-program dan aktiviti-aktiviti jabatan.

Juga dilaksanakan oleh perkhidmatan ini ialah penghantaran dan pengedaran Pelita Brunei, memberikan bantuan dalam pengangkutan barang-barang pembesar suara serta barang-barang keperluan bagi semua bahagian, unit dan cawangan dalam bagi apa jua program serta aktiviti yang dikendalikan di samping membuat pengawasan semua kenderaan jabatan termasuk di cawangan dalam memastikan penjagaan serta keselamatannya.



ANTARA buku-buku terbitan Jabatan Penerangan yang dijual sebagai hasil kutipan jabatan.



ORANG ramai ketika mendapatkan Kalendar terbitan Jabatan Penerangan yang diedarkan melalui Unit Sokongan.



SALAH seorang kakitangan dari Unit Sokongan semasa mengedarkan Akhbar Pelita Brunei kepada orang ramai.



BEBERAPA buah kenderaan Jabatan Penerangan yang digunakan bagi kemudahan pegawai dan kakitangan bertugas di luar jabatan.

Jabatan Penerangan tubuhkan Pusat Media untuk MMN Ke-15

Oleh: Unit Penerbitan Melayu
Foto: Jabatan Penerangan

Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara Yang bersidang selama 11 hari bermula pada 7 Mac hingga 23 Mac di Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara, Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis lalu telah sempurna dilaksanakan.

Dalam menjayakan permesyuaratan tersebut, Jabatan Penerangan tidak ketinggalan dalam sama-sama menjayakannya khususnya yang berhubung dengan Media dan publisiti.

Bagi memudahkan pengamal media yang membuat liputan serta bagi mendapatkan maklumat di sepanjang mesyuarat tersebut, Jabatan Penerangan seperti lazimnya telah menubuhkan pusat media.

Antara perkhidmatan yang disediakan ialah seperti tempat ruang bekerja dengan kemudahan komputer dan wifi bagi memudahkan para wartawan untuk



SEBAHAGIAN wartawan sibuk membuat liputan berita semasa berlangsungnya mesyuarat tersebut.

mendapat akses internet selain siaran langsung persidangan yang boleh diikuti menerusi *monitor* yang disediakan di bangunan Majlis Mesyuarat Negara sahaja.

Turut disediakan oleh pusat media

ialah *pigeon hole* yang menyimpan maklumat-maklumat terkini termasuk *handsard*, perkhidmatan Pegawai Penghubung Media MRO yang mengawal selia segala pergerakan media terutama jurugambar, banner dan 'whiteboard'.



PARA wartawan dan pengamal media semasa membuat liputan berita di Pusat Media ketika Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara diadakan.

Barigakan bahan-bahan kepentingan nasional

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan
Foto: Azmah Haji Ahad



PENGURUS dan Penyelia dari syarikat-syarikat perniagaan di kawasan perniagaan Kampung Serusop semasa hadir mendengarkan taklimat tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Mac. - Lebih 80 peserta terdiri daripada Pengurus dan Penyelia dari syarikat-syarikat perniagaan di kawasan perniagaan Kampung Serusop hadir mendengarkan taklimat mengenai jerayawara penggunaan 'banner', bendera negara dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional.

Jerayawara diadakan di Dewan Auditorium, Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan.

Jerayawara tersebut merupakan salah satu usaha Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian

Kenegaraan dan Kemasyarakatan dalam membarigakan serta meningkatkan kefahaman, pengetahuan dan kesedaran awam mengenai penggunaan 'banner', bendera negara dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional ke arah menjaga kehormatan negara.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya.

Dalam taklimatnya beliau antaranya menyentuh mengenai

kesalahan-kesalahan terhadap penggunaan serta tatacara betul dalam penggunaan banner, pengibaran bendera negara dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional.

Jerayawara diteruskan dengan tayangan video mengenai Bendera Negara dan Tatacara Menaik-kibarkan Bendera Negara dan diakhiri dengan sesi soal jawab.

Turut hadir bagi sesi soal jawab pada jerayawara berkenaan ialah pegawai-pegawai dari Jabatan Adat Istiadat Negara, Jabatan Peguam Negara dan Jabatan Bandaran.



KETUA Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya ketika menyampaikan taklimat.



LEBIH 70 peserta menghadiri jerayawara tersebut terdiri daripada pengurus dan penyelia syarikat-syarikat perniagaan di kawasan perniagaan Kampung Serusop.

PMB kukuhkan hubungan kerajaan, masyarakat

Oleh: Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto: Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 26 Mac. - Jabatan Penerangan melalui Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan telah mengadakan Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Kampung Lupak Luas/Kampung Tarap Bau dan sekitarnya.

Program tersebut adalah bagi meneruskan inisiatif Jabatan Penerangan dalam menyalurkan maklumat kepada rakyat dan penduduk di negara ini agar lebih informatif dan terkini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis pembukaan program tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari selaku Ketua Kampung Limau Manis.

Juga hadir, Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar dan Ketua Kampung Lupak Luas dan Tarap Bau, Awang Haji Suhaili bin Haji Moktar serta lebih 30 penduduk Kampung Lupak Luas, Tarap Bau dan sekitarnya.

Ketua Unit Hubungan Masyarakat, Jabatan Penerangan, Awang Muhd. Khairulhadi bin Haji Muhd. Muhtaddir selaku Pengerusi program dalam ucapan alu-aluannya berkata, Jabatan Penerangan berharap pelaksanaan PMB ini akan disambut dengan baik dan dimanfaatkan sepenuhnya dan dijadikan sebagai langkah bagi mewujudkan para



PARA peserta Program Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung Lupak Luas/Kampung Tarap Bau dan sekitarnya ketika mendengarkan taklimat pada program tersebut.

peserta bermaklumat dan berilmu agar dapat sama-sama menandai hasrat kerajaan dalam mendukung pelaksanaan Wawasan Brunei 2035.

Program yang diadakan di Kompleks Sukan Sungai Kebun itu dimulakan dengan taklimat dari Darussalam Enterprise (DARE) yang disampaikan oleh Pengurus DARE, Dayangku Hajah Siti Normardinah binti Pengiran Haji Omarali yang antara lain menekankan mengenai objektif DARE dalam membangun perusahaan tempatan menjadi penggerak perkembangan ekonomi dinamik dan berdaya tahan dengan membangun Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

Taklimat PMB sentuh berbagai peraturan, undang-undang

Oleh: Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Hamzah Mohidin, Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin, Dk.Nur Hafilah Pg.Osman

SUNGAI KEBUN, Selasa, 26 Mac. - Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Kampung Lupak Luas / Kampung Tarap Bau yang diungkayahkan oleh Jabatan Penerangan melalui Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan diteruskan lagi dengan beberapa sesi taklimat lainnya daripada agensi-agensi jemputan di Bilik Serbaguna No. 1, Kompleks Sukan Sungai Kebun, di sini.

Antara yang menyampaikan taklimat pada program tersebut ialah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Jabatan Perdana Menteri; JobCentre Brunei, Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian; dan Pusat Pengurusan Bencana

Kebangsaan (NDMC), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Taklimat daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam disampaikan oleh Pegawai Kerja, Dayang Norefna binti Abdullah; dan Penolong Pegawai Kerja Tingkat 1, Unit Aduan dan Rayuan, Bahagian Pengambilan, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Awang Haji Muhammad Emmy Shamry bin Haji Kadir, bertajuk 'Tatacara Mendapatkan Kerja di Sektor Awam / PSC Recruitment secara Online'.

Dari JobCentre Brunei diwakili oleh Pegawai Kaunseling, Dayang Qairawani binti Haji Yacob yang menjelaskan mengenai peranan JobCentre Brunei

dalam membantu anak tempatan mencari pekerjaan dengan memberikan beberapa perkhidmatan kursus dan latihan kepada anak tempatan yang mencari pekerjaan, selain memperkenalkan i-Ready dalam membantu anak tempatan (graduan) mendapat pengalaman pekerjaan.

Manakala, taklimat daripada Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas, Bahagian Planning & Analysis, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan, Dayang Siti Jorlahati binti Johari yang antara lain menyentuh mengenai peranan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan secara umum dalam pengurusan bencana di Negara Brunei Darussalam.

Juga menyampaikan taklimat ialah wakil dari Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar bersama Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari dan Ketua Kampung Lupak Luas dan Tarap Bau, Awang Haji Suhaili bin Haji Mokhtar bersama penduduk Kampung Lupak Luas, Tarap Bau.

Kebangsaan yang disampaikan oleh wakil masing-masing yang menyentuh peranan dan tanggungjawab mereka.

Jabatan Penerangan bantu fahami usaha kerajaan

Oleh : Noraisah Haji Muhammed
Foto: Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

SERIA, Selasa, 26 Mac. - Seramai 75 peserta daripada penduduk Kampung Rancangan Perumahan Negara (RPN) Panaga menyertai Program Masyarakat Bermaklumat anjuran Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Belait yang diadakan di Dewan Sekolah Rendah Panaga, Seria.

Program tersebut diadakan selama dua hari, bermula 26 hingga 27 Mac dengan pengisian lawatan dan taklimat.

Hadir selaku tetamu kehormat pada program tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Penghulu Mukim Liang Zon 1 Daerah Belait, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Abdul Mumin.

Peserta program diketuai oleh Pemangku Penghulu Mukim Seria selaku Ketua Kampung Lorong Tiga Selatan dan Pemangku Ketua Kampung RPN Lorong Tengah Seria dan Pemangku Ketua Kampung RPN Panaga Awang Haji Saidin bin Haji Ibrahim.

Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait selaku



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Penghulu Mukim Liang Zon 1 Daerah Belait, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Abdul Mumin hadir selaku tetamu kehormat.

Pengerusi Program Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung RPN Panaga, Seria, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin dalam ucapannya berkata, program tersebut merupakan salah satu landasan Jabatan Penerangan dalam menyampaikan maklumat rasmi dan maksud kerajaan melalui sesi taklimat, dialog dan lawatan, agar masyarakat, terutamanya di peringkat akar umbi dapat memahami, menyokong dan menghargai usaha-usaha kerajaan dalam sama-sama membangun negara, terutamanya bagi mencapai Wawasan 2035.

Taklimat pertama dikendalikan oleh Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035, Jabatan Perdana Menteri, bertajuk 'Peranan Masyarakat dalam Mencapai Wawasan 2035', disampaikan oleh Pegawai Perhubungan Awam, Dayang Athirah Fakhriah binti Haji Yusof bersama Dayang Khalidah binti Husin manakala ceramah seterusnya bertajuk 'Akta Pendidikan Wajib' disampaikan oleh pegawai dari Pejabat Ketua Pengarah Pendidikan dan dari Jabatan Sekolah-Sekolah.



SEBAHAGIAN daripada penduduk Kampung Rancangan Perumahan Negara (RPN) Panaga yang menyertai Program Masyarakat Bermaklumat tersebut.

PMB tingkat ilmu pengetahuan peserta

Oleh: Saerah Haji Abdul Ghani
Foto: Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 26 Mac. – Peserta Program Masyarakat Bermaklumat yang terdiri daripada penduduk Kampung Rancangan Perumahan Negara (RPN) Panaga mengadakan lawatan ke Biro Kawalan Narkotik (BKN).

Semasa lawatan tersebut para peserta telah mendengarkan taklimat mengenai Sindiket Dadah Antarabangsa yang disampaikan oleh Pegawai Narkotik Kanan Cawangan Pendidikan Pencegahan Dadah, BKN, Awang Rahaman bin Haji Panjang.

Awang Rahaman dalam taklimatnya menjelaskan bahawa gejala penyalahgunaan dadah dalam kalangan masyarakat negara ini semakin membimbangkan dan perlu ditangani dengan serius justeru itu pelbagai usaha giat dilaksanakan bagi membanteras aktiviti yang boleh melemahkan negara ini.

Sementara itu taklimat mengenai Isu Penderaan dan Keganasan Rumah Tangga disampaikan oleh



DIANTARA peserta program yang hadir mendengarkan taklimat mengenai Biro Kawalan Narkotik.

Pegawai-Pegawai Penyiasat, Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak, Jabatan Siasatan Jenayah, Sgt 4238 Awangku Safajaya bin Pengiran Haji Ali dan S/Sgt 3619 Dayang Arizah Arshad yang menyentuh mengenai perkongsian kes yang disiasat, Perundangan, dan Tatacara Melapor.

Sesi taklimat diakhiri dengan soal jawab.

JobCentre Brunei bantu pencari kerja tempatan

Berita dan Foto: Hernie Suliana Haji Othman

SERIA, Rabu, 27 Mac. - Program Masyarakat Bermaklumat bagi peserta Rancangan Perumahan Negara Panaga diteruskan dengan taklimat mengenai isu pengangguran dan peluang serta perkhidmatan-perkhidmatan yang terdapat di JobCentre Brunei.

JobCentre Brunei merupakan 'One-Stop Career Centre' bagi pencari kerja tempatan dan majikan di sektor swasta dengan menyediakan pelbagai perkhidmatan pekerjaan dan latihan berkaitan untuk



SEBAHAGIAN peserta program semasa menghadiri taklimat dari Job Center Brunei.

pencari kerja dan pekerja tempatan serta perniagaan.

Taklimat disampaikan oleh Human Resource Officer dari JobCentre Brunei, Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Awang Abdul Rahim bin Haji Ali, bertajuk 'Isu Pengangguran dan Memilih Pekerjaan', berlangsung di Dewan Serbaguna Sekolah Rendah Panaga.

Antara pengisian taklimat tersebut ialah pengenalan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan di JobCentre Brunei seperti 'online platform', 'job marketing', Bimbingan Kerjaya; Sesi Temuduga; Latihan dan Kursus, serta Jerayawara.

Selain sebagai landasan kepada pencari kerja untuk memohon jawatan kosong yang ada dengan mengakses perkhidmatan yang disediakan untuk meningkatkan 'employability' dan 'marketability' mereka, JobCentre Brunei juga berperanan sebagai fasilitator untuk membantu majikan dalam mengambil tenaga pekerja tempatan.

Kira-kira 100 peserta menghadiri taklimat tersebut yang diakhiri dengan sesi soal jawab.

Peserta PMB kunjungi Katimahar Agripark

Berita dan Foto: Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 27 Mac. - Seramai 72 peserta Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Kampung Rancangan Perumahan Negara (RPN) Panaga dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim (MPM) Seria membuat lawatan ke Katimahar Agripark sebagai salah satu aturcara program.

Lawatan tersebut bertujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarigakan perkembangan serta usaha-usaha kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup rakyat sekali gus mengukuhkan jati diri dan menyuntik semangat untuk terus memberikan kerjasama dalam mendukung aspirasi negara.

Semasa lawatan, para peserta program telah dialu-alukan oleh Pengurus Am Soto Rindu, Awang Haji Zainal bin Haji Safar.

Penolong Setiausaha MPM Seria, Awang Zaleha bin Ahad berkata program seumpama itu sangat baik dan perlu diteruskan dari semasa ke semasa, yang



PESERTA program ketika mendengarkan penerangan dari Pengurus Am Soto Rindu, Awang Haji Zainal bin Haji Safar.

mana pada hari ini kebanyakan daripada para peserta adalah golongan belia dan kanak-kanak yang mengisi masa lapang mereka pada musim cuti persekolahan penggal pertama ini dengan melakukan perkara yang berfaedah.

Semasa lawatan para peserta sempat meninjau dengan lebih dekat lagi persekitaran agripark tersebut.

Tinjau kilang pemprosesan bahan mentah

Berita dan Foto: Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Rabu, 27 Mac. - Syarikat Golden Corporation Sendirian Berhad menjadi destinasi seterusnya bagi rombongan lebih 70 peserta terdiri penduduk Kampung Rancangan Perumahan Negara (RPN) Panaga yang menyertai Program Masyarakat Bermaklumat di Kampung Serbangun.

Syarikat tersebut merupakan sebuah kilang pemprosesan bahan mentah seperti ikan, sotong, udang dan sebagainya yang menggunakan teknologi moden yang berkeupayaan menghasilkan produk beku berkualiti.

Syarikat ini juga diberikan pengiktirafan sijil-sijil piawai tempatan mahupun antarabangsa, di samping merupakan salah sebuah syarikat pelaburan langsung asing (FDI) dari Taiwan yang bekerjasama dengan Semaun Marine Resources Sdn. Bhd.

Semasa lawatan, para peserta program sempat melawat ke Pameran Hook.ed yang mempamerkan produk seperti ikan, sotong dan udang yang dipelbagaikan kepada beberapa produk seperti bebola ikan, popia dan sebagainya.



PESERTA program sempat melawat ke Pameran Hook.ed yang mempamerkan produk seperti ikan, sotong dan udang.

Dalam lawatan tersebut, rombongan diiringi oleh Pegawai Bahagian Pentadbiran syarikat tersebut, Dayang Noorrashidah binti Mohd. Noor Yasin.

Pameran Hook.ed dibukakan bagi kunjungan orang ramai dari jam 9.30 pagi hingga 6.00 petang, setiap Isnin hingga Khamis dan Sabtu manakala Jumaat mulai jam 9.30 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 2.00 hingga 6.30 petang.



جوالن بوكو تربيتن جابتن قنرغن

**DAPATKAN
SEKARANG!**

JUALAN BUKU-BUKU TERBITAN JABATAN PENERANGAN

Waktu Perniagaan

Isnin - Khamis
8.00 Pagi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg


Sabtu
8.00 Pagi – 11.00 Pagi

HIMPUNAN TITAH



Tahun	Harga
1984 - 1987	\$5.50
1988 - 1989	\$5.50
1990 - 1991	\$8.00
2012	\$7.50
2013	\$6.50
2014	\$6.00
2015	\$5.00
2016	\$4.00
2017	\$5.00

HIMPUNAN SABDA



Tahun	Harga
2012	\$3.50
2013	\$4.00
2014	\$2.00
2015	\$4.00
2016	\$2.00
2017	\$3.00



**Harga
\$3.50**

KOMPILASI SABDA ANAKANDA 2011-2016



HALUAN

Tahun	Harga
2012	\$23.00
2015 - 2016	\$12.50
2017	\$8.50



BRUNEI TODAY

Edisi	Harga
Sept 2017 - Jubli Emas	\$3.50
Jun 2018	\$2.50



**Harga
\$11.50**

BRUNEI DARUSSALAM NEGARAKU 2015 - 2016



**Harga
\$4.00**

BRUNEI-MUARA DISTRICT



**Harga
\$3.50**

BELAIT DISTRICT

TUTONG DISTRICT

TEMBURONG DISTRICT

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400
FAKS : 2382242

BUKU-BUKU BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT SOKONGAN, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

CAWANGAN DAERAH TEMBURONG

BANGUNAN JABATAN-JABATAN
KERAJAAN, DAERAH TEMBURONG,
BANGAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 5221342

CAWANGAN DAERAH TUTONG

BANGUNAN JABATAN-JABATAN
DAERAH TUTONG, TA1314,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 4220290

CAWANGAN DAERAH BELAIT

PEJABAT PENERANGAN
SERIA JALAN BOLKIAH, SERIA,
KB4333, DAERAH BELAIT,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 3224636



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:

<http://www.penerangan.gov.bn>

<http://www.information.gov.bn>

<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

<http://www.infofoto.gov.bn>

Media Sosial Penerangan:



Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



infodept.bn



infodept_bn

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.
Tel : 2383400 Faks : 2382242**